

# 30 pelajar UPMKB jayakan Komuniti Gotong-Royong

**BINTULU:** Seramai 30 pelajar Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menjayakan Program Komuniti Gotong-Royong di bawah inisiatif Projek Kampung Angkat MADANI anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di Kampung Long Latei, Telang Usan baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, kumpulan pelajar itu terdiri daripada 19 pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan, 10 pelajar Diploma Pembangunan Manusia, dan seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia.

Ketua Jabatan Sains dan Sosial, Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains UPMKB, Dr. Yasmin Yacob berkata projek tersebut dijalankan di bawah Program Service-Learning Malaysia (SULAM) menerusi kursus 3R-Kitar Semula dengan Gaya dan Kajian Impak.

Sepanjang program itu, katanya, pelajar menjalankan kajian dan temu bual bersama komuniti Long Latei untuk menilai impak aktiviti kitar semula terhadap penduduk kampung.

"Program ini bukan sahaja bertujuan untuk memindahkan ilmu, tetapi turut memperkuuh-

kan semangat gotong-royong serta meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui kerjasama komuniti," ujar Dr. Yasmin.

Tambah beliau, kursus 3R yang dikendalikan oleh Dr. Mohd Iwan Syah Md Yusoff dengan penyelarasaran oleh Dr. Rohaizah tulamni Radzlan dan Dr. Nurul Hidayu Mat Jusoh berjaya memberi kemahiran baharu kepada penduduk kampung dalam usaha mencipta peluang ekonomi yang lebih baik.

"Penglibatan pelajar dalam inisiatif ini memperkuuh nilai kerjasama, menanam semangat kesukarelawanan, dan mengukuhkan peranan institusi pendidikan tinggi dalam menyelesaikan isu komuniti," katanya lagi.

Program itu turut disertai Ketua Setiausaha KBS, Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu yang hadir pada Majlis Ramah Mesra di Kampung Long Latei.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telang Usan, Dato Dennis Ngau dan Pengarah Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Dr. Mohamed Maliqi Mohamed Rapiee.

Semasa majlis itu, Ts. Dr. Nagulendran memuji usaha UPMKB yang dilihat seiring de-



**TEMU BUAL...** Pelajar UPMKB menemu bual penduduk Kampung Long Latei bagi mendapatkan maklum balas dan menilai impak program kitar semula.

ngan hasrat KBS untuk melibatkan belia dalam aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan.

Beliau berharap agar inisiatif seumpama itu dicontohi oleh institusi pendidikan tinggi lain dalam menyalurkan kepakaran mereka kepada masyarakat.

"Selari dengan slogan 'Tiada Masyarakat yang Terpinggir,' program ini diharap dapat mening-

katkan kualiti hidup masyarakat, khususnya etnik Penan di Kampung Long Latei," katanya.

Program Komuniti Gotong-Royong di Kampung Long Latei itu dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Persatuan Gerakan Kemanusiaan Malaysia (MyHumanitarian), Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) N77, Telang Usan, serta JKKA dan Kelab Belia Kampung Long Latei.

Selain itu, Kampung Long Latei yang dihuni komuniti Penan merupakan salah satu kampung di bawah inisiatif Kampung Angkat MADANI, bertujuan meningkatkan pembangunan sosial dan ekonomi penduduk setempat melalui sokongan pelbagai pihak.